



**PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

1. JAWATAN	:	PEMANDU KENDERAAN
GRED	:	H11
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	MAHIR / SEPARUH MAHIR / TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	TETAP
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

1. Warganegara Malaysia, berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau berkelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - b) Memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];

- c) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu.

• Lesen D	RM1,264.15
• Lesen E/E1/E2	RM1,310.30
• Lesen F/H	RM1,356.45
• Lesen G/I	RM1,402.60

- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- e) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

DESKRIPSI TUGAS

- a) Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller* dan traktor pertanian.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Wisma Perbadanan Labuan, W. P. Labuan.
- b) Pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing beserta **Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang terkini dan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini**;
- c) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, sijil berhenti sekolah, sijil kegiatan luar, kelulusan akademik dan dokumen-dokumen lain yang **telah diakui sah dari salinan asal**;
- d) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjuru kiri sampul surat dan borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan pada atau sebelum **31 Oktober 2019 (Khamis)** ke alamat berikut:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
WISMA PERBADANAN LABUAN
JALAN DEWAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN
(U/P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

- e) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Perbadanan Labuan dengan menghubungi talian 087-581817, 581819, dan 581814;
- f) Permohonan yang **lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak;
- g) Hanya calon yang **layak selepas tapisan sahaja** akan dipanggil untuk temu duga;
- h) Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan
- i) Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.